Drama Islam

Pembukaan Kota Suci Makkah

(Babak Keempat)

Pemandangan Pentas:

Pemandangan di dalam sebuah rumah di mana kelihatan pembesar-pembesar kaum Mushrikin Quraysh sedang mengadakan suatu rapat kecil di antara mereka sesama mereka mengenai perkara kemaraan bala tentera Muslimin menuju kota Makkah. Tak ada seorang pun daripada mereka yang kelihatan bermanis muka. Tiba-tiba salah seorang daripada mereka berkata dengan nada suara yang keras menengking kepada salah seorang sahabatnya yang bernama Budayl.

(Diterjemah oleh: A. Aziz al-Murshidi)

Mushrik: - Mengapa Abu Sufyan tidak datang bersama-sama dengan kamu berdua wahai Budayl dan Hakim bin Hazam?"

Budayl;- Bukankah sesudah hamba terangkan kepada tuan hamba dahulu sebab-sebab mengapa Abu Sufyan itu tidak datang bersama-sama dengan kami ke mari?"

Hakim:- "Tak mengapalah barangkali Datuk Panglima kita ini sudah, terlupa,kalau begitu biarkanlah aku terangkan sekali lagi kepadanya." (Kata Hakim kepada sahabatnya Budayl. Kemudian ia pun terus berkata kepada ketua Quraysh itu). " Sebenarnya Abu Sufyan telah berjumpa dengan 'Abbas ayah saudara Muhammad: kemudian kedua-duanya pergi bersama-sama menemui Muhammad untuk mengadakan perundingan."

Mushrik: - "Oh begitu! Hingga sekarang ia belum pulang-pulang lagi?"

Budayl: - "Ya, sebagaimana yang tuan hamba lihat, hingga sekarang ia belum pulang-pulang lagi!"

Mushrik: - "Bagaimana pula halnya dengan Wa'ildan Maktum yang telah aku utus untuk mengintip rahsia bala tentera Muhammad; adakah keduanya belum kelihatan pulang?"

Hakim: - "Sepanjang yang kami ketahui keduanya masih beum pulang lagi hingga ke masa ini."

Mushrik: - (Dengan suara menengking berkata): "Hai sudah hampir-hampir seminggu keduanya masih belum pulang-pulang lagi? Ajaib! Ke mana pula mereka berdua telah pergi?"

Safwan: - "Apa faedahnya tuan hamba sangat mengambil berat atas perkara kepulangan mereka berdua itu?"

Mushrik: - "Cis!apa katamu Safwan? Mengapa aku mesti mengambil berat di atas kepulangan dua pengintip rahsia yang telah aku utus itu? Engkau memang seorang manusia yang bodoh, bebal dan tak faham dengan tujuanku!"

Safwan:- "Apa tujuan tuan hamba yang sebenarnya mengutus kedua-dua mereka itu pergi ke perkhemahan tentera Muslimin itu?"

Mushrik: - "Oh, rupanya engkau ini Safwan, masih mentah agi dalam ilmu teknik peperangan. Tujuan aku mengutus keduanya ialah untuk mengetahui berapa banyak bilangan bala tentera Muhammad yang akan menyerang masuk ke kota Makkah ini ... sudah faham engkau wahai keldai?"

Safwan: - "Kemudian apabila tuan hamba sudah mengetahui akan bilangan bala tentera Islam yang di bawah pimpinan Muhammad itu, apa pula yang mesti tuan hamba lakukan?"

Mushrik: - (Terus bangkit berdiri dari tempat duduknya: dengan air muka yang merah padam menahan kemarahan ia pun berkata): "Apa katamu? Apa yang mesti aku lakukan?"

Safwan: - (Dengan suara tang tegas dan berani menjawab): "Ya,

apa yang mesti tuan hamba lakukan ke atas mereka? Kerana banyak berita-berita yang telah sampai kepada kami bahawa angkatan tentera Muhammad pada kali ini tersangat besar, tiada sesiapa yang dapat menentangnnya!"

Mushrik: - (Menengking dengan suara yang keras): "Oh, begitu! Seolah-olah dengan perkataanmu itu menyuruh aku serta sekalian bala tentera Mushrikin supaya menyerah kalah sebelum mengadakan sesuatu perlawanan terhadap bala tentera Muslimin itu? Inikah maksud perkataanmu itu wahai Safwan?"

Safwan: - (Menjawab dengan nada suara yang lemah-lembut): "Baiklah! Kalau tuan hamba tidak mahu menerima fikiran yang telah hamba kemukakan itu, cubalah terangkan apa yang mesti tuan hamba lakukan terhadap tentera-tentera Muhammad yang gagah perkasa dan begitu banyak bilangannya itu?"

Tiba-tiba kedengaran suara orang mengetuk pintu dari luar. Kesemua yang berada di dalam rumah itu mendiamkan diri sambil menumpukan perhatian ke arah pintu. Kemudian Safwan pun bertanya; siapa yang mengetuk pintu dari luar itu. Setelah mendapat jawapan maka pintu pun dibuka, serentak dengan itu muncullah Wa'il dan Maktum di dalam keadaan yang tercungap-cungap. Melihat kedatangnya Wa'il dan Maktum itu, maka ketua kaum Quraysh itu pun menerkam ke arah keduanya sambil bertanya:

Mushrik: - "Wa'il... Maktum! Engkau berdua telah kembali?... Apa khabar kamu berdua?... mengapa kamu terlambat pulang?" (tetapi Wa'il dan Maktum tidak dapat berkata apa-apa, keduanya masih tercungap-cungap kepenatan. Ketua Mushrikin itu terus mendesak supaya menceritakan apa yang telah berlaku ke atas keduanya. Akhirnya dengan suara yang putus-putus Maktum berkata):

Maktum: - "Sepuluh ribu sahaja bilangan bala tentera Muhammad hanya sepuluh ribu orang sahaja ... tetapi tiap-tiap seorang daripada mereka mempunyai alat senjata yang cukup lengkap."

Wa'il: - (Menyambung perkataan sahabatnya Maktum): "Walaupun demikian mereka menyatakan bahawa mereka akan memasuki kota suci Makkah dengan secara aman damai, mereka tidak mahu menumpahkan walau setitik darah jua pun."

Mushrik: - (Setelah mendengar berita yang disampaikan oleh Wa'il dan Maktum itu, maka ia pun terus menjerit dengan suara yang lantang): Oh, kalau begitu Muhammad memaksa supaya di pihak kita menyerah kalah dengan tidak mengadakan sebarang perlawanan terlebih dahulu? . . . mustahil . . mustahil . . . yang demikian itu adalah mustahil!"

Maktum: - "Mengapa tuan hamba mengatakan mustahil? Bukankah Muhammad dan bala tenteranya telah membukakan sesuatu peluang damai kepada kita?, sedang mereka itu sanggup melakukan sebarang kekerasan!"

Mushrik: - "Mustahil . . mustahil . . akan berlakunya perdamaian antara Muhammad dengan kita!!"

Wa'il: - "Janganlah tuan hamba mengambil keputusan dengan begitu keras sedang Muhammad dan sekalian tenteranya yang gagah perkasa itu sanggup melakukan sebarang kekerasan kalau di pihak kita enggan menerima tawaran damai yang dianjurkannya itu, lantaran mereka pada hakikatnya sudah pun mengepung kota Makkah ini dari segenap penjuru!"

Mushrik: - "Oh, kalau begitu tak ada lain jalan bagi kita, selain daripada mengadakan perlawanan mati-matian terhadap mereka!"

Maktum: - (Sambil melangkah beberapa tapak ke hadapan): "Tuan hamba tidak harus berfikir dengan sebegitu singkat."

Wa'il: - (Dengan tiba-tiba menyampuk): Mana dia bala tentera kita yang akan sanggup menentang angkatan perang kaum Muslimim yang sebegitu gagah dan agung itu?"

Safwan: - (Dengan tak semena-mena lantas berkata): "Sebelum bala tentera Muhammad tiba memasuki kota Makkah ini hamba lebih dahulu akan melarikan diri menceri tempat perlindungan." (sambil ia melangkah hendak keluar dari rumah itu).

Mushrik: - (Terkejut melihat sikap Safwan yang hendak melarikan diri dengan secara tiba-tiba itu. melihat Safwan hendak keluar

dari rumahnya itu, maka ia pun berkata): "Hai, nanti dahulu wahai Safwan! Mengapa engkau bersikap terburu nafsu ini? Nantilah kita berunding dahulu?"

Safwan: - "Kalau tuan hamba cuba menahan hamba keluar dari rumah ini terlebih dahulu nyatakanlah di mana dia bala tentera Mushrikin yang sanggup berhadapan dengan bala tentera Muslimin itu? Di mana dia . . nyakanlah di mana dia? . . tunjukkanlah kepada hamba, supaya semangat keberanian hamba kembali pulih!!

Mushrik: - "Oh, itu perkara mudah sahaja wahai Safwan! Setiap qabilah dari qabilah-qabilah Quraysh akan sanggup menghantar seribu orang pengikut-pegikutnya yang lengkap dengan alat senjata peperangan." (Hingga di sini perbualan di antara ketua Mushrikin dengan sahabatnya Safwan berhenti dengan begitu sahaja, setelah kedengaran suara hiruk pikuk dari luar rumah itu).

Suara: - (Bergemuruh bunyinya dari luar rumah): "Abu Sufyan sudah pulang dari menjumpai Muhammad . . . dengan membawa satu jaminan daripada Muhammad Rasūl Allāh . . . Muhammad telah berjanji dengan satu jaminan yang mengatakan: "Barang siapa yang masuk ke dalam rumah Abu Sufyan ia mendapat keamanan ... barang siapa yang masuk ke dalam Masjidil Haram ia akan mendapat keamanan . . . dan barang siapa yang masuk ke dalam rumahnya sendiri ia mendapat keamanan." (*)

Mushrik: - (Terpegun beberapa ketika mendengar kata-kata yang dilaungkan oleh orang ramai yang berada di luar rumahnya itu, kemudian ia bertanya kepada Wa'il, Maktum dan Safwan yang berada di sampingnya): "Apa ertinya kata-kata yang dilaung-laungkan oleh orang ramai itu?"

Suara: - (Terus mengatakan dengan lebih hebat lagi):" Barang siapa yang masuk ke dalam rumah Abu Sufyan ia mendapat keamanan . . barang siapa yang masuk ke dalam Masjidil Haram ia mendapat keamanan . . dan barang siapa yang masuk ke dalam rumahnya sendiri ia mendapat keamanan."

Mushrik: - (Dengan suara yang menggeletar menahan kemarahan lantas berkata): mustahil . .. mustahil!"

Safwan: - "Lihatlah! Abu Sufyan sendiri telah terpengaruh dengan keagungan bala tentera Islam yang di bawah pimpinan Muhammad itu . . . oleh yang demikian ia sanggup membuat perjanjian membenarkan bala tentera Muslimim memasuki kota Makkah dengan secara aman dan damai!"

Mushrik: - (Seperti orang gila terus bertarik-tarik sambil berkata):" Mustahil . . – mustahil . . perkara ini . . mustahil akan terjadi!"

Safwan: - (Pada ketika itu juga berlari keluar sambil berkata kepada ketua Mushrik, Wa'il dan Maktum): "Hamba akan pergi dari sini untuk mencari tempat perlindungan, wahai tuan-tuan sekalian! . . . selamat tinggal!"

Hakim: - (Kemudian berkata kepada Safwan sambil mengikutinya dari belakang): "Bawalah hamba bersamamu, wahai Safwan!"

Budayl: - (Juga keluar mengikuti jejak Safwan dan Hakim seraya berkata): "Ada pun hamba akan mencari tempat perlindungan di rumah Abu Sufyan."

Wa'il: - (Ya benar! Rumah Abu Sufyan adalah sebuah rumah yang besar lagi lapang, kalau kita semua berhimpun di sana saya fikir boleh muat . . marilah kita pergi ke sana wahai Maktum!" (sambil ia menarik tangan sahabatnya. Maktum tidak membantah kemahuan Wa'il. Keduanya pun keluar meninggalkan ketua Mushrik itu seorang diri).

Mushrik: - (Berdiri seorang diri setelah ia ditinggalkan oleh pengikut-pengikutnya yang telah berpaling tadah, di dalam keadaan bingung dan terpinga-pinga. Kemudian dengan langkah yang perlahan-perlahan ia pun menuju keluar dengan mendiamkan diri sambil mendudukan mukanya ke bumi).

(Bersambung)

(*) Ertinya: Barang siapa dari golongan kaum Mushrikin yang berada di rumah Abu Sufyan atau berada di dalam Masjidil Haram atau berada di rumah mereka sendiri sewaktu bala tentera Muslimin memasuki kota Makkah maka mereka tidak akan diganggu dan keselamatan jiwa mereka dijamin oleh Rasūl Allāh (S.A.W).